

---

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

**Kolej Pengurusan ASTIN**

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 2007/2008

Oktober/November 2007

**YKT I01 – Pengantar Komunikasi Manusia**

Masa: 3 jam

---

Kertas peperiksaan ini mengandungi **TIGA (3)** muka surat yang bercetak.

Jawab **TIGA (3)** soalan. Jawab soalan **SATU (1)** dan **DUA (2)** soalan lain, **SATU (1)** di setiap bahagian.

Sumbangan markah untuk setiap soalan adalah seperti yang dinyatakan.

**BAHAGIAN A**

1. Takrifkan beserta contoh EMPAT (4) konsep-konsep berikut, seperti yang dibincangkan oleh Morreale (2001), Adler & Rodman (2003), Verderber (2005), Wood (2006) dan Morreale (2007).
  - (a) Komunikasi Gender dan Ucapan Kebencian
  - (b) Konsep Diri dan Nilai Diri
  - (c) Model Interaktif dan Model Transaksi
  - (d) Budaya Kumpulan
  - (e) Orientasi Konflik dan Maklumbalas Terhadap Konflik
  - (f) Perhubungan Perantara Elektronik

(40 markah)

**BAHAGIAN B (Jawab satu soalan)**

2. Bincangkan beserta contoh yang relevan LIMA aspek konteks komunikasi.

(30 markah)
3. Bahasa membentuk, membina dan menyusun kehidupan individu. Bincang dan huraikan beserta contoh EMPAT fungsi utama bahasa, dalam konteks komunikasi lisan.

(30 markah)
4. Pencerapan adalah antara kompetensi dalam proses komunikasi. Jelaskan beserta contoh jenis-jenis pencerapan. Terangkan dengan terperinci cabaran-cabaran terhadap pencerapan.

(30 markah)

**BAHAGIAN C (Jawab satu soalan)**

5. Definisi komunikasi interpersonal menggabungkan beberapa ciri yang membezakannya daripada bentuk komunikasi lain. Huraikan ciri-ciri terbabit.

(30 markah)

6. Bincangkan faktor-faktor yang memotivasi penyertaan individu ke dalam kumpulan kecil.

(30 markah)

7. Huraikan prinsip-prinsip konflik dalam perhubungan.

(30 markah)